MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BHD & YANG LAIN A

lwn.

TAN SRI TAJUDIN RAMLI & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S7-22-487-2006]
4 APRIL 2012

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Pengikraran - Afidavit sokongan - Permohonan membatalkan tuntutan balas disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh peguam - Sama ada peguam yang mewakili anakguam tidak boleh ikrarkan afidavit bagi anakguamnya - Sama ada satu ketidakaturan - Sama ada afidavit sokongan boleh diterima - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 41 k. 6* C D

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Afidavit sokongan - Permohonan membatalkan tuntutan balas disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh peguam - Sama ada peguam yang mewakili anakguam tidak boleh ikrarkan afidavit bagi anakguamnya - Sama ada satu ketidakaturan - Sama ada afidavit sokongan boleh diterima - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 41 k. 6* E

PROSEDUR SIVIL: *Pliding - Pemfailan - Kelewatan memfailkan pliding - Sama ada kelewatan yang melampau tanpa apa-apa penjelasan - Sama ada memprejudiskan plaintif-plaintif - Sama ada satu penyalahgunaan proses mahkamah* F

Ini adalah permohonan defendan ketujuh belas ('lampiran 66') untuk perintah-perintah, antara lain (i) tuntutan balas plaintif-plaintif bertarikh 9 Oktober 2006 dibatalkan menurut A. 18 k. 19(1)(a) dan/atau (c) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980'). Permohonan tersebut disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh seorang Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara Malaysia, Encik Saiful Edris Zainuddin ('afidavit Encik Saiful'). Plaintif-plaintif membangkitkan bantahan awal mengenai: (i) afidavit Encik Saiful kerana undang-undang adalah jelas bahawa peguam yang mewakili anakguam tidak boleh mengikrarkan afidavit bagi anakguamnya dan (ii) kelewatan memfailkan lampiran 66 ini. G H I

Diputuskan (permohonan defendan ketujuh belas ditolak dengan kos; bantahan awal plaintif-plaintif dibenarkan):

(1) Afidavit Encik Saiful di dalam lampiran 66 menyatakan bahawa beliau adalah seorang Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara Malaysia yang mengendalikan perkara ini bagi defendan ketujuh belas. Dari afidavit sokongan itu sendiri dan pliding yang difailkan, terdapat "contentions" atau "disputed facts" terlibat di dalam tindakan ini. Keadaan ini telah membawa kepada ketidakaturan yang tidak boleh dibaiki oleh KMT 1980 di mana afidavit Encik Saiful telah menjadi tidak relevan lagi di dalam tindakan ini. Dengan itu, afidavit sokongan berkenaan "cannot stand" (A. 41 k. 6 KMT 1980). (perenggan 12 & 14)

(2) Pliding telah ditutup pada Julai 2007, manakala lampiran 66 difailkan pada Ogos 2010 iaitu kelewatan dalam masa lebih kurang tiga tahun. Oleh itu, terdapat kelewatan yang melampau tanpa apa-apa penjelasan diberikan oleh defendan ketujuh belas dalam pemfailan lampiran 66. Kelewatan ini memprejudiskan plaintif-plaintif dan akibatnya telah mengganggu pentadbiran kehakiman kes ini di mana kes-kes tidak dapat diselesaikan dengan berkesan secepat mungkin dan ini merupakan penyalahgunaan proses mahkamah. (perenggan 17-19)

Kes-kes yang dirujuk:

Kaplands Sdn Bhd v. Lee Chin Cheng Dengkil Oil Palm Plantations Sdn Bhd [2000] 4 CLJ 281 HC ***(dirujuk)***

Million Group Credit Sdn Bhd v. Lee Shoo Khoon & Ors [1985] 1 CLJ 181; [1985] CLJ (Rep) 575 HC ***(dirujuk)***

Perwira Affin Bank Berhad v. Lorrain Esme Osman [1996] 1 LNS 4 HC ***(dirujuk)***

Sabah Bank Bhd v. Pemborong Keningau Sdn Bhd & Ors [1991] 3 CLJ 2590; [1991] 3 CLJ (Rep) 677 HC ***(dirujuk)***

Seng Huat Hang Sdn Bhd v. Chee Seng & Co Sdn Bhd [1985] 2 CLJ 97; [1985] CLJ (Rep) 760 HC ***(dirujuk)***

Sivananthan V Jaganathan v. Teh Yee Fun & Anor [2003] 4 CLJ 551 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a), (c), (d), O. 41 r. 6, O. 92 r. 4

Bagi pihak plaintif-plaintif - SM Shanmugam (Woon Huei Chin bersamanya); T/n Lee Hishamuddin Allen Gledhill
Bagi pihak defendan pertama, defendan ketiga & defendan keempat - Lim Kian Leong (KY Cheah bersamanya); T/n Lim Kian Leong & Co
Bagi pihak defendan kedua - S Malar; T/n Kiru & Yong
Bagi pihak defendan kelima - Norhayati Othman; T/n KL Wong
Bagi pihak defendan ketujuh belas - Nadia Tajuddin; Jabatan Peguam Negara

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Rosilah Yop PK:

[1] Ini adalah permohonan di lampiran 66 daripada defendan ketujuh belas (di dalam tuntutan balas) untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) Tuntutan balas plaintif-plaintif bertarikh 9 October 2006 dibatalkan menurut A. 18 k. 19(1)(a) dan/atau (c) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

(b) Secara alternatif tuntutan balas plaintif-plaintif dibatalkan dengan kos menurut kuasa sedia ada (inherent jurisdiction) Mahkamah Yang Mulia ini di bawah A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

(c) Semua prosiding dalam tindakan ini digantung sehingga keputusan muktamad bagi permohonan ini diberikan;

(d) Kos permohonan ini ditanggung oleh plaintif.

[2] Permohonan ini disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh Encik Saiful Edris bin Zainuddin, seorang Peguam Kanan Persekutuan, di Jabatan Peguam Negara Malaysia (afidavit Encik Saiful).

[3] Terdapat bantahan awal yang dibangkitkan oleh peguam plaintif-plaintif mengenai dengan affidavit Encik Saiful Edris bin Zainuddin dan kelewatan memfailkan lampiran 66 ini.

Bantahan Awal

1. Pihak plaintif (di dalam tuntutan balas) telah membuat bantahan awal bagi penerimaan masuk sebagai keterangan afidavit sokongan bagi lampiran 66 yang diikrarkan oleh Encik

A Saiful Edris bin Zainuddin, seorang Peguam Kanan Persekutuan yang mengendalikan perkara ini bagi defendan ketujuh belas di dalam tindakan ini;

2. Terdapat kelewatan dalam memfailkan lampiran 66.

B **[4]** Sebab-sebab bantahan beliau adalah bahawa:

- Encik Saiful adalah seorang Peguam Kanan Persekutuan yang mengendalikan perkara ini;

C - undang-undang adalah jelas bahawa peguam yang mewakili anakguam tidak boleh ikrarkan afidavit bagi anakguamnya: rujuk kes *Sivananthan V Jaganathan v. Teh Yee Fun & Anor* [2003] 4 CLJ 551, *Perwira Affin Bank Berhad v. Lorrain Esme Osman* [1996] 1 LNS 4, *Seng Huat Hang Sdn Bhd v. Chee Seng & Co Sdn Bhd* [1985] 2 CLJ 97; [1985] CLJ (Rep) 760 dan *Kaplands Sdn Bhd v. Lee Chin Cheng Dengkil Oil Palm Plantations Sdn Bhd* [2000] 4 CLJ 281;

D

- daripada affidavit yang dideposkan, jelas menunjukkan Encik Saiful tidak mempunyai pengetahuan peribadi (personal knowledge) tentang fakta-fakta di dalam tindakan ini;

E

- Lampiran 66 difailkan lewat iaitu kelewatan selama empat tahun.

F **[5]** Sebagai jawapan Peguam Persekutuan menghujahkan bahawa:

- peguam tidak boleh ikrarkan afidavit yang terdapat pertikaian mengenai fakta;

G - afidavit yang diikrarkan oleh Encik Saiful tidak menyentuh isu-isu fakta tapi cuma undang-undang sahaja;

- Encik Saiful telah diberi kuasa untuk ikrarkan afidavit sokongan berkenaan;

H - berkenaan dengan kelewatan memfailkan Lampiran 66, permohonan difailkan dalam masa, memandangkan keadaan tindakan ini juga telah di 'dragged on' dan dalam keadaan itu, Lampiran 66 difailkan dalam masa dan tiada kelewatan.

I

Penilaian Dan Pendapat Mahkamah

[6] Kedudukan undang-undang adalah jelas, merujuk pada kes *Seng Huat Hang Sdn Bhd v. Chee Seng & Co Sdn Bhd* [1985] 2 CLJ 97; [1985] CLJ (Rep) 760; Edgar Joseph Jr H (beliau masa itu) menyatakan:

> With respect, in matters where disputed questions of facts are involved, it is for the parties and not their solicitors to affirm affidavits relating thereto.

[7] Di dalam kes *Million Group Credit Sdn Bhd v. Lee Shoo Khoon & Ors* [1985] 1 CLJ 181; [1985] CLJ (Rep) 575, M Shankar H menyatakan;

> ... that the practice of solicitors themselves filing contentious affidavits in pending applications should be discouraged. The parties are the litigants and it is they who should be giving evidence.

[8] Manakala di dalam kes *Sabah Bank Bhd v. Pemborong Keningau Sdn Bhd & Ors* [1991] 3 CLJ 2590; [1991] 3 CLJ (Rep) 677, telah diputuskan bahawa:

> Affidavits are personal to those who depose them and if statements therein are incorrect, the deponents must be liable (and, in appropriate cases, punishable under the Penal Code). So it is not the business of anymore else unless he is so authorised, to depose to fact and much less for counsel to include contentious materialsin their affidavits.

[9] Mohd Hishamudin H di dalam kes *Kaplands Sdn Bhd v. Lee Chin Cheng Dengkil Oil Palm Plantations Sdn Bhd* [2000] 4 CLJ 281 memutuskan:

> With respect, where disputed questions of fact are involved, I think the better view on the issue as to whether or not a solicitor could depose an affidavit on behalf of a litigant would be that as expressed by Shankar J in *Million Group* and by Edgar Joseph Jr J in *Seng Huat Hang*. In the case before me, in the light of the contents of the defendant's affidavit, I am satisfied that there were disputed question of fact.

[10] Dari kes-kes yang diputuskan di atas, telah menggariskan syarat-syarat bahawa peguamcara hanya boleh mendeposkan afidavit bagi pihak litigan atau anakguamnya jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

A (i) fakta-fakta yang patut dideposkan tidak merupakan persoalan fakta yang dipertikaikan;

(ii) fakta-fakta yang patut dideposkan mestilah di dalam pengetahuan beliau, dan

B (iii) beliau diberikuasa oleh litigan untuk mendeposkan afidavit tersebut.

[11] Ketiga-tiga syarat di atas perlu dipenuhi.

C **[12]** Setelah saya merujuk kepada pliding-pliding dan afidavit berkaitan dengan permohonan ini, saya dapati;

- Affidavit Encik Saiful Edris bin Zainuddin di lampiran 66A bahawa beliau adalah seorang Peguam Kanan Persekutuan, di Jabatan Peguam Negara Malaysia yang mengendalikan perkara ini bagi defendan ketujuh belas.

D

- Dari afidavit sokongan itu sendiri dan pliding yang difailkan, saya berpuashati terdapat 'contentions' atau 'disputed facts' terlibat di dalam tindakan ini.

E

[13] Selanjutnya saya merujuk pada A. 41 k. 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang memperuntukkan kedudukan undang-undang yang jelas seperti berikut:

F Order 41. Affidavits

6. Scandalous, etc., matter in affidavits. (O. 41 r. 6)

The Court may order to be struck out of any affidavit any matter which is scandalous, irrelevant or otherwise oppressive.

G **[14]** Keadaan di atas telah membawa kepada ketidakaturan yang tidak boleh dibaiki oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dimana afidavit En. Saiful telah menjadi tidak relevan lagi di dalam tindakan ini. Dengan itu afidavit sokongan berkenaan "cannot stand".

H

[15] Bantahan awal selanjutnya adalah bahawa permohonan di bawah lampiran 66 ini dibuat terlalu lewat. Undang-undang mengenai pembatalan pliding adalah jelas di mana permohonan perlu dibuat dengan secepat mungkin sebelum pliding ditutup.

I

[16] Mengenai kelewatan memfailkan permohonan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Malik Ishak H menyatakan:

> Time was certainly of utmost importance and any delay would be considered fatal (emphasis added). It is part and parcel of my judgement that there was delay on the part of the defendant when she filed the summons in chambers in encl. 30 to strike out the amended statement of claim. It cannot be denied that encl. 30 was filed after:
>
> (1) the pleadings were closed;
>
> (2) the summons for directions were filed and the necessary orders were made thereto and, of importance, the action was entered for trial: lihat kes *Thiruchelvasegaram Manickavasegar v. Mahadevi Nachatiram* [2001] 3 CLJ 743.

[17] Setelah merujuk kepada pliding yang difailkan, saya dapati pliding telah pun ditutup pada Julai 2007. Manakala lampiran 66 difailkan pada Ogos 2010 iaitu kelewatan dalam masa lebih kurang tiga tahun tanpa apa-apa penjelasan diberikan.

[18] Mengenai dengan bantahan tentang kelewatan defendan ketujuh belas memfail lampiran 66 ini, mahkamah dapati terdapat kelewatan yang melampau tanpa apa-apa penjelasan diberikan oleh defendan ketujuh belas dalam pemfailan lampiran 66 ini.

[19] Kelewatan ini memprejudiskan plaintif-plaintif (tuntutan balas) dan akibatnya telah mengganggu pentadbiran kehakiman kes ini di mana kes-kes tidak dapat diselesaikan dengan berkesan secepat mungkin dan ini merupakan penyalahgunaan proses mahkamah.

[20] Dengan itu bantahan awal dari peguam plaintif-plaintif (tuntutan balas) dibenarkan oleh mahkamah.

[21] Maka dengan itu, permohonan defendan ketujuh belas di lampiran 66 ditolak oleh mahkamah dengan kos.